

TARIKH	8 / 2 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	4	RUANGAN	Nasional

Penyimpan sambut baik pulangan lumayan

Kuala Lumpur: Bonus Jubli Emas sebanyak lapan peratus Lembaga Tabung Haji di-sambut baik oleh pendepositnya.

Selain bersyukur, mereka memuji Tabung Haji yang berjaya menguruskan agensi itu sehingga mampu memberikan pulangan lumayan kepada penyimpan.

Polis Bantuan, Mohd Najib Mohd Yunos, 27, dari Keramat, berkata bonus tinggi itu membuktikan Tabung Haji bijak menguruskan kewangan untuk dinikmati bersama pendepositnya.

Justeru, beliau memasang niat menunaikan haji pada usia 30-an kelak apabila simpanan mencukupi.

"Bonus tinggi ini akan menampung perbelanjaan ke tanah suci termasuk menanggung perbelanjaan di sana," katanya.



Bekas kakitangan Tabung Haji, Rahman Mohamed Nazim (gambar), 51, berkata lapan peratus itu banyak dan menggalakkan memandangkan keadaan ekonomi pada masa ini yang tidak menentu.

"Tabung Haji memberi satu gambaran bahawa institusi kewangan Islam boleh bersaing di pasaran konvensional. Ini bukan saja menarik keyakinan orang ramai untuk menabung, malah menggalakkan mereka menambah tabungan," katanya.

Peniaga, Rida Khalidi, 56, dari Setapak pula bersyukur dengan pengumuman itu yang dilihat akan wang tambahan baginya membeli barangan rumah dan makanan.

Malah, katanya, bonus boleh digunakan untuk menunaikan umrah kedua selepas yang pertama pada 2009 dan haji pada 2007.

"Saya harap Tabung Haji dapat dijadikan contoh oleh negara Islam lain kerana kemampuannya menguruskan kewangan dengan baik dan kukuh sehingga dapat membayar bonus tinggi kepada pendepositnya," katanya.